



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 26/2012 (24 hingga 30 Jun 2012)

Pada minggu ke-26 bagi tahun 2012, iaitu dari 24 hingga 30 Jun, terdapat dua (2) kes kematian akibat Denggi dilaporkan di Kedah. Sehingga kini, kes kematian di Kedah telah mencatatkan 3 kes berbanding tiada kes kematian dilaporkan dalam tempoh yang sama tahun 2011. Jumlah keseluruhan kematian akibat Denggi di Malaysia pada tahun 2012 adalah sebanyak 24 kematian, meningkat 6 berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada minggu lepas, kes kematian Denggi melibatkan dua orang surirumah berusia 32 dan 17 tahun, yang dimasukkan ke hospital kerajaan setelah mengalami demam, sakit kepala, sakit badan dan muntah. Kedua-dua pesakit telah dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital untuk rawatan lanjut setelah mengalami komplikasi dan meninggal dunia akibat *Dengue Shock Syndrome* dalam tempoh kurang daripada 48 jam setelah menerima rawatan. Hasil pemantauan KKM mendapati kadar pembiakan Aedes di salah sebuah rumah pesakit terlalu tinggi iaitu AI 16.7%, yang menjadi punca kepada jangkitan demam Denggi kepada pesakit tersebut. Sehubungan dengan itu, penduduk sekitar telah menganjurkan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran bagi memastikan semua tempat pembiakan Aedes dihapuskan supaya jangkitan Denggi tidak terus berlaku.

Pada minggu ke-26 bagi tahun 2012, iaitu dari 24 hingga 30 Jun, sejumlah 364 kes demam Denggi telah dilaporkan, berbanding 367 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak lima (5) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pahang meningkat sebanyak 8 kes (160%), Kelantan 6 kes (50%), Johor 5 kes (21%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 3 kes (11%) dan Negeri Sembilan meningkat 1 kes (14%).

Pada enam bulan pertama tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 30 Jun, sebanyak 11,794 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 1,501 kes atau 15% berbanding 10,293 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Sejumlah 63 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 17 daerah berbanding 13 daerah pada minggu sebelumnya dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan pada minggu lepas. Berdasarkan pemantauan oleh KKM menunjukkan kerjasama dan penyertaan daripada komuniti masih kurang menggalakan dalam melaksanakan aktiviti memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Aktiviti kawalan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Mei 2012, menunjukkan terdapat 26,579 premis yang mempunyai pembiakan Aedes daripada 1,653,872 premis yang diperiksa di seluruh Negara. Manakala daripada aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan, sejumlah 8,703 kompaun telah dikenakan kepada pemilik premis yang mempunyai pembiakan dengan nilai berjumlah RM 3,803,565. Terdapat 5,476 premis yang diarahkan untuk membuat pembersihan atau tutup di bawah Perintah Notis Seksyen 8 untuk tujuan menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

Pengetahuan masyarakat mengenai bahaya demam Denggi dan pencegahannya perlu diterjemahkan kepada amalan kehidupan seharian

masyarakat bagi membentaras penyakit demam Denggi. Komitmen dan kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan serta komuniti amat diperlukan dalam usaha membebaskan ancaman demam Denggi serta pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran tempat tinggal.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

2 Julai 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2012
(24 hingga 30 Jun 2012)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2012 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 26/2011 |
|------|------------------|---------------------------------------|---------------------------------|---|---|
| | | Minggu 26 (24 – 30 Jun 2012) | Minggu 25 (17 – 23 Jun 2012) | | |
| 1 | Perlis | 5 | 10 | 104 | 40 |
| 2 | Kedah | 14 (2) | 15 | 424 (3) | 244 |
| 3 | P. Pinang | 15 | 22 | 439 (1) | 983 (2) |
| 4 | Perak | 26 | 28 | 806 (2) | 649 (2) |
| 5 | Selangor | 173 | 173 | 5,422 (11) | 3,906 (4) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 29 | 26 | 1,129 (3) | 932 (1) |
| 7 | N. Sembilan | 8 | 7 | 219 (1) | 390 |
| 8 | Melaka | 5 | 8 | 298 | 229 |
| 9 | Johor | 29 | 24 | 846 (1) | 918 (5) |
| 10 | Pahang | 13 | 5 | 359 (1) | 501 (1) |
| 11 | Terengganu | 10 | 14 | 403 | 370 (1) |
| 12 | Kelantan | 18 | 12 | 601 | 342 (1) |
| 13 | Sarawak | 11 | 12 | 495 | 537 |
| 14 | Sabah | 8 | 10 | 241 (1) | 247 (1) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 1 | 8 | 5 |
| | MALAYSIA | 364 (2) | 367 | 11,794 (24) | 10,293 (18) |

Nota: () Kematian